

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

236

[12hb Mac 2009]

No. 298.

FATWA MENGENAI HARTA WAKAF KHAS MASJID TAIPING

Bahwasanya Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [Enakmen 4 tahun 2004], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahwasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiaran fatwa yang berikut:

“Segala perolehan harta wakaf khas Masjid Melayu Taiping hendaklah dibelanjakan untuk tujuan wakaf berkenaan dan tidak boleh dipindahkan untuk tujuan lain selama mana mauquf a’laih iaitu Majis Melayu Taiping masih ada. Mesyuarat juga bersetuju bahawa harus hukumnya bangunan masjid yang berusia 100 tahun diletakkan di bawah tujuan pemuliharaan muzium dalam keadaan fungsi masjid dan kehormatan masjid dijamin untuk dijaga”.

Bertarikh 5 Februari 2009

[MNPK.A351.IST/01/7 JLD 2; PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

DATO’ SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 299.

PELANTIKAN PEGAWAI PETEMPATAN
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF SETTLEMENT OFFICER
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik